

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 4, 2019 2:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TISSA-UUM Merdeka Chill-Out Time Erat Hubungan Sambil Zahir Kecintaan Kepada Negara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 SEPTEMBER 2019 / 4 MUHARAM 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: TISSA

TISSA-UUM MERDEKA CHILL-OUT TIME ERAT HUBUNGAN SAMBIL ZAHIR KECINTAAN KEPADA NEGARA



UUM ONLINE: Hujan renyai tidak mematahkan semangat ahli Kelab Kebajikan TISSA-UUM (TISSAC) untuk menzahirkan rasa kecintaan kepada negara sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-62 dengan menganjurkan program *TISSA-UUM Merdeka Chill-Out Time* di tapak Pesta Konvokesyen, baru-baru ini.

Bertemakan *Bonding TISSANs with Love & Respect* berjaya menarik penyertaan lebih 70 orang warga TISSAC termasuk pensyarah pelawat dan rakan-rakan pesara.

Pengerusi Kelab TISSAC, Dr. Rosli Mohamad berkata, beliau kagum dengan semangat peserta terlibat walaupun dalam cuaca hujan namun masih mampu menjayakan aktiviti dirancang termasuk *brisk walk* di sekitar kampus sejauh 1.2 kilometer.

Menurutnya, program itu memfokuskan kepada usaha untuk mengeratkan ukhuwah dan jalinan kasih sayang di antara ahli kelab.

"Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini seperti senamrobik Merdeka dan lima siri sukaneka yang melibatkan semua ahli iaitu 'Semarakkan Cinta', 'Tak Kenal Maka Tak Cinta', 'Cinta Buta', 'Makin Jauh Makin Sayang' dan 'Hello Sayang'.

“Saya berharap aktiviti seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana ia bukan sahaja mengeratkan hubungan tetapi pada masa sama memupuk perasaan cintakan negara menerusi aktiviti dijalankan ini,” katanya.

Program TISSA-UUM Merdeka Chill-Out Time merupakan program julung kali TISSAC untuk sesi 2019/2020 yang turut disertai Ketua Jabatan Perakaunan dan Pencukaian, TISSA-UUM, Prof. Madya Dr. Hasnah Kamardin mewakili Dekan TISSA.

Dr. Hasnah berkata, bukan kalah atau menang yang menjadi taruhan di dalam program ini tetapi nilai keserakanan yang ingin diterapkan melalui pelbagai aktiviti sukaneka.

Menurutnya, aktiviti sebegini harus diteruskan pada masa hadapan, di samping memenuhi komitmen dan tugas harian.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.